Gurvindar Kaur a/p P Karnail Singh lwn Balvinder Dillon

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PETISYEN PERCERAIAN NO MT(4) 33–111 TAHUN 2009
KAMARDIN HASHIM PK
30 OCTOBER 2009

Undang-Undang Keluarga — Perceraian — Petisyen — Permohonan pempetisyen untuk relief sampingan — Jumlah wajar untuk nafkah anak — Sama ada perintah mahkamah Singapura patut dikekalkan — Sama ada rumah matrimoni patut dijual dan hasil jualan dibahagi sama rata — Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 54, 76, 88, 92 & 93

Pempetisyen adalah seorang warganegara Malaysia manakala responden adalah seorang warganegara Hong Kong yang kemudiannya mendapat kewarganegaraan Singapura. Selepas berkahwin mereka telah tinggal bersama di Singapura dan hasil perkongsian hidup, mereka memperolehi seorang anak lelaki yang telah dilahirkan di tempat asal pempetisyen iaitu di Batu Pahat, Johor. Semasa petisyen difailkan, kanak-kanak itu berusia 12 tahun. Pempetisyen memfailkan petisyen ini untuk memohon perintah-perintah, antara lain, bahawa perkahwinannya dengan responden dibubarkan; bahawa hak kawalan, pemeliharaan dan penjagaan anak diberikan kepada pempetisyen; hak akses yang munasabah kepada anak diberi kepada responden dan anak tersebut tidak boleh dibawa keluar dari Malaysia tanpa persetujuan pempetisyen; bahawa responden membayar nafkah anak sebanyak S$800 sebulan dan bahawa rumah matrimoni dalam nama pempetisyen dan responden dijual dan hasil jualan dibahagi sama rata selepas menjelaskan baki pinjaman yang tertunggak. Permohonan pempetisyen untuk membubarkan perkahwinan tidak dibantah oleh responden. Walau bagaimanapun isu-isu yang dipertikaikan adalah berkenaan dengan hak penjagaan, kawalan dan pemeliharaan anak, hak akses terhadap anak, nafkah anak dan pembahagian harta sepencarian ke atas rumah matrimoni. Sementara petisyen itu dibicarakan, responden telah memfailkan dua tindakan dalam mahkamah di Singapura iaitu terhadap hak penjagaan anak di mahkamah rendah, dan tindakan bagi penceraian di Mahkamah Tinggi Singapura. Mahkamah rendah Singapura telah mengeluarkan satu perintah yang memberikan hak penjagaan bersama ke atas kanak-kanak tersebut.

Diputuskan, membenarkan sebahagian tuntutan pempetisyen:

(1) Perintah mahkamah rendah Singapura merangkumi semua aspek hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan serta hak akses ke atas anak itu.

Pada hakikatnya perintah tersebut cukup komprehensif dan telah mengambil kira semua aspek yang menjurus kepada kebajikan terbaik untuk anak itu. Perintah itu tiada cacat celanya maka ianya tidak perlu ditambah atau dikurangkan sedikitpun sebaliknya wajar dikekalkan. Lagipun pihak-pihak telahpun mematuhi perintah tersebut. Oleh itu mahkamah menerima dan mengekalkan perintah mahkamah rendah Singapura tersebut untuk isu hak jagaan dan hak akses terhadap anak dalam kes ini (lihat perenggan 9).

(2) Responden menyatakan bahawa beliau hanya mampu untuk membayar RM200 sebulan untuk nafkah anak tersebut setelah mengambilkira pendapatan dan perbelanjaan bulanan beliau. Setelah mengambilkira pendapatan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh responden, mahkamah memerintahkan responden untuk membayar nafkah untuk anak pada kadar RM200 sebulan sebagai satu jumlah yang patut dan wajar yang mampu dibayar oleh responden setiap bulan (lihat perenggan 10).

(3) Adalah tidak wajar rumah itu dijual untuk sebahagian hasil jualan diberikan kepada pempetisyen. Memandangkan usia tua responden dan itulah satu-satu rumah untuk beliau tinggal dan bertemu dengan anaknya di Singapura, jika dijual akan membawa kesusahan dan kesukaran yang amat sangat kepada responden dan anak hasil perkahwinan mereka. Fakta bahawa sumbangan pempetisyen hanya menyumbang lebih kurang S$57,000 terhadap harga pembelian rumah itu dan fakta responden terpaksa meneruskan pembayaran ansuran seorang diri sejak 2003 hingga selesai perlu diberikan perhatian sewajarnya. Setelah menimbangkan fakta-fakta yang disebutkan di atas mahkamah membenarkan tuntutan pempetisyen ke atas rumah matrimoni tersebut setakat jumlah sumbangan yang dibayar oleh pempetisyen iaitu jumlah S$57,000 ataupun apa-apa jumlah yang ditunjukkan didalam akaun SGF pihak pempetisyen dan jumlah itu hendaklah dibayar oleh responden kepada pempetisyen sewajarnya (lihat perenggan 15).

[English summary

The petitioner was a Malaysian citizen whereas the respondent was a Hong Kong citizen who had subsequently obtained Singaporean citizenship. Upon marriage, they lived together in Singapore and from the marriage, they had a son who was born in the petitioner's hometown ie in Batu Pahat, Johor. When the petition was filed, the child was aged 12 years. The petitioner filed the petition to apply for the orders, inter alia, that her marriage to the respondent be dissolved; that the right of care, custody and guardianship of the child be given to the petitioner; reasonable right of access to the child be given to the respondent and the child could not be taken out of Malaysia without the consent of the petitioner; that the respondent pay the maintenance of the child

amounting to S$800 a month and the matrimonial house in the names of the petitioner and the respondent be sold and the proceeds be equally distributed after paying the balance of the loan due. The petitioner's application for dissolution of the marriage was not opposed by the respondent. However, the issues that were disputed was the right of care, custody and guardianship of the child, the right of access to the child, the maintenance of the child and the distribution of the joint assets on the matrimonial house. While the petition was being tried, the respondent filed two action in the court in Singapore ie on the right of custody of the child at the lower court of Singapore and an action for divorce at the Singapore High Court. The lower court of Singapore issued an order granting a joint custody of the child.

Held, allowing the petitioner's application in part:

(1) The order of the lower court of Singapore comprised of all the aspects of the care, custody and guardianship as well as the access to the child. In fact the order was comprehensive and had taken into account all the aspects relating to the welfare of the child. The order was not bad and thus it need not be added or reduced and instead had to be maintained. Moreover the parties had already complied with the order. Therefore the court accepted and maintained the order of the lower court of Singapore for the issue of the custody and access of the child in this case (see para 9).

(2) The respondent stated that he was only able to pay RM200 a month for the maintenance of the child after taking into account his monthly income and expenses. Upon considering the respondent's income and expenses, the court ordered the respondent to pay maintenance to the child in the amount of RM200 a month as an amount that was appropriate and reasonable which the respondent was able to pay every month (see para 10).

(3) It was not proper for the house to be sold for part of the proceeds to be given to the petitioner. In view of the old age of the respondent and that was the only house for him to live in and meet his son in Singapore, if sold would cause undue hardship to the respondent and the child of the marriage. The fact that the petitioner's contribution was approximately S$57,000 towards the purchase of the house and the fact that the respondent had to continue paying the installment by himself since 2003 until completion ought to be given necessary attention. Upon considering the facts, the court allowed the petitioner's claim on the matrimonial house to the extent of the contribution of the petitioner ie the amount of S$57,000 or any other amount shown in the SFG account of the petitioner and the amount ought to be paid by the respondent to the petitioner appropriately (see para 15).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai petisyen, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3448–3451.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 76, 88, 88(3)

Joseph Mathews (Mathews & Associates) bagi pihak pempetisyen.
Vijaya Letchumi Rajagopalan (Vijaya Gopal & Associates) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim PK:

[1] Pihak-pihak telah berkahwin secara sah di sisi undang-undang pada 18 Jun 1988 di Pejabat Pendaftar Perkahwinan, Johor Bahru di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Pempetisyen adalah seorang warganegara Malaysia manakala responden adalah seorang warganegara Hong Kong yang kemudiannya mendapat kewarganegaraan Singapura. Selepas berkahwin mereka telah tinggal bersama di Apartment Blok 756, Woodland Avenue 4, #10–287 Singapura 730756. Hasil perkongsian hidup mereka selepas sembilan tahun, seorang anak lelaki telah dilahirkan pada 14 Januari 1997 di tempat asal pempetisyen iaitu di Batu Pahat, Johor dengan diberi nama Roshanjeet Singh. Kanak-kanak itu kini berusia 12 tahun semasa petisyen ini difailkan.

[2] Perkahwinan pasangan ini tidak kekal apabila berlaku perpecahan dan akhirnya mereka berpisah dan tinggal berasingan sejak bulan Januari 2006. Percubaan untuk mendamaikan pasangan ini oleh majlis pendamaian/tribunal perkahwinan menemui jalan buntu dan keruntuhan rumahtangga pasangan ini tidak dapat dipulihkan. Akhirnya, pada 17 Februari 2009 pempetisyen memfailkan petisyen ini untuk memohon perintah-perintah berikut:

(a) bahawa perkahwinan dibubarkan;

(b) bahawa hak kawalan, pemeliharaan dan penjagaan anak tersebut diberikan kepada pempetisyen;

(c) bahawa responden diberi hak akses yang munasabah kepada anak tersebut dan anak tersebut tidak boleh dibawa keluar dari Malaysia tanpa persetujuan pempetisyen;

(d) bahawa responden membayar S$800 sebulan sebagai nafkah bagi anak tersebut dan pempetisyen tidak memohon nafkah untuk diri sendiri;

(e) bahawa rumah matrimoni dalam nama pempetisyen dan responden dijual dan hasil jualan dibahagi sama rata selepas menjelaskan baki pinjaman yang tertunggak; dan

(f) bahawa pihak menanggung kos masing-masing.

[3] Responden tidak membantah terhadap permohonan pempetisyen untuk membubarkan perkahwinan mereka. Isu mengenai hak penjagaan, kawalan dan pemeliharaan anak serta hak akses terhadap anak itu, isu nafkah anak dan pembahagian harta sepencarian ke atas rumah matrimoni adalah dipertikaikan. Terhadap tiga isu tersebut pihak-pihak telah memfailkan afidavit masing-masing di dalam mahkamah ini.

[4] Sementara petisyen ini dibicarakan, responden telah memfailkan dua tindakan dalam mahkamah di Singapura iaitu melalui saman pemula No 33 of 2009/R di mahkamah rendah terhadap hak penjagaan anak dan satu lagi tindakan bagi penceraian di Mahkamah Tinggi Singapura. Mengenai hak penjagaan kanak-kanak tersebut, Mahkamah Rendah Singapura telahpun mengeluarkan satu perintah pada 9 Julai 2009 yang memberikan hak penjagaan bersama ke atas kanak-kanak tersebut.

HAK JAGAAN ANAK

[5] Isu berkaitan hak penjagaan, pemeliharaan dan *guardianship* bagi anak lelaki hasil perkahwinan mereka dipertikaikan. Pempetisyen berhujah bahawa sepanjang masa selepas perpisahan mereka anak itu tinggal bersama pempetisyen di Johor Bahru dan memohon hak ini diberikan kepada beliau. Pempetisyen juga menyatakan bahawa responden yang bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan pendapatan S$1,000 sebulan tidak mampu untuk menyara hidup anak tersebut jika dibandingkan dengan pempetisyen yang mempunyai pendapatan bulanan tiga kali ganda daripada pendapatan responden. Selain itu pempetisyen juga menyatakan bahawa anak itu sekarang bersekolah di sebuah sekolah antarabangsa di Johor Bahru di mana dia telah mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Pempetisyen juga memohon agar anak itu tidak dibawa keluar dari Malaysia tanpa kebenaran pempetisyen memandangkan anak itu adalah seorang warganegara Malaysia. Pempetisyen tidak menafikan hak akses yang munasabah diberikan kepada responden dengan syarat anak itu tidak dibawa keluar dari Malaysia dengan tanpa kebenaran beliau.

[6] Responden menyatakan bahawa mahkamah ini wajar memberi perhatian kepada perintah mahkamah rendah Singapura mengenai hak jagaan anak ini dan mengekalkan perintah itu memandangkan pihak-pihak telah dan sedang mematuhi perintah itu tanpa masalah timbul. Perintah mahkamah rendah Singapura itu kekal tanpa dirayu atau dibatalkan oleh pempetisyen. Ini menunjukkan pempetisyen telah bersetuju dengan apa yang diperintahkan oleh mahkamah rendah Singapura mengenai isu hak jagaan ke atas anak tersebut. Responden bersetuju supaya anak tersebut terus bersekolah di Johor

Bahru dan pihak-pihak telah bersetuju untuk 'submit' kepada bidang kuasa mahkamah rendah Singapura mengenai isu ini.

[7] Seksyen 88 Akta memperuntukkan bahawa perkara utama yang perlu diambil kira oleh mahkamah dalam menentukan isu hak penjagaan anak adalah terhadap kebajikan anak itu sendiri selain daripada kehendak ibu bapa anak itu serta kemahuan anak itu sendiri. Anak dalam kes ini telah berumur 12 tahun, oleh itu anggapan di bawah s 88(3) yang menyatakan kebajikan anak di bawah umur tujuh tahun adalah bersama ibunya tidak terpakai. Anak ini tidak dibawa ke mahkamah dan pada pandangan mahkamah juga bahawa pada peringkat umur anak ini dia tidak berupaya untuk membuat pemilihan terbaik. Apa yang mahkamah ini dapat gambarkan bahawa pada peringkat umur ini adalah harapan anak itu untuk mendapatkan kasih sayang yang tidak dibelah bahagi antara bapa dan ibunya sendiri serta tidak dapat menerima hakikat perpisahan mereka pada saat-saat dia amat memerlukan penjagaan dan kasih sayang kedua ibu bapanya. Anak pada peringkat umur ini sepatutnya hidup dalam keadaan rukun aman dan damai. Seperti kata pepatah Melayu bagaimana kasih sayang anak kepada kedua ibu bapanya serta kesukaran anak untuk memilih antara keduanya adalah ibarat 'kalau ditelan mati emak, kalau diludah mati bapak' (swallow it and your mother dies, spit it out and your father dies).

[8] Mahkamah ini telah meneliti perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah Singapura atas isu hak penjagaan anak tersebut bertarikh 9 Julai 2009. Perintah ini kekal tanpa dirayu atau diketepikan oleh mana-mana pihak. Perintah tersebut diperturunkan sepenuhnya di bawah ini:

IN THE SUBORDINATE COURTS OF THE REPUBLIC OF SINGAPORE

Originating Summons No. 33 of 2009/R

In the Matter of Guardianship of Infants Act (Cap 122)
And
In the Matter of Roshanjeet Singh Dhillon (m) born on 14/01/1997 (Malaysia BC No. 970114-01-5997 and Singapore NRIC No. S9773517D)

Between Dillon Balvinder (NRIC No. S2589361A) - Plaintif And Gurvindar Kaur A/P P. Karnail Singh (NRIC No. S26276567) - Defendant

ORDER OF COURT

BEFORE THE HONOURABLE DISTRICT JUDGE MS JEN KOH IN CHAMBERS

UPON THE APPLICATION of the Plaintiff made by way of Originating Summons No. 33 of 2009/R and of the Defendant made by way of Summons Nol 6821 of 2009/P coming on for adjourned hearing this day AND UPON

READING the Affidavits of Dillon Balvinder filed on the 25th day of February 2009, 29th day of April 2009, 5th day of June 2009 and 29th day of June 2009 and the Affidavits of Gurvindar Kaur A/P P. Karnail Singh filed on the 22nd day of April 2009 and 8th day of June 2009 and the respective exhibits referred thereto AND UPON HEARING Counsel for the Plaintiff and for the Defendant, IT IS ORDERED that:

1 the parties are granted joint custody of the child Roshanjeet Singh Dhillon with care and control to the Defendant.

2 the child is at liberty to remain in Johor Bahru with the Defendant and attend his current school in Johor Bahru.

3 the Defendant is to provide to the Plaintiff copies of all the child's educational progress and examination reports within 7 days of these documents being made available to her. In addition, the Defendant is to send to the Plaintiff the detailed schedule for the child and to update this schedule as and when there are changes. In the event that there are any activities in which the parents are invited, the Plaintiff is at liberty to attend these activities at the child's school

4 the Defendant is to update the Plaintiff of any change in her residence and/or her contact details.

5 the Plaintiff shall have access to the child as follows:-

(a) on alternate weekends commencing 11th July 2009 from Saturday 10.00 am to Sunday 5.00 pm.

(b) on the other weekends with no overnight access, from Saturday 10.00 am to 5.00 pm.

(c) half of all school holidays.

(d) as and when the Plaintiff is in Johor Bahru, he shall be at liberty to have access provided always that he gives at least 3 clear days of his intention to exercise access and that the access hours do not interfere with the child's school hours and CCA activities.

(e) liberal telephone access.

(f) the Defendant shall be responsible for bringing the child to Singapore for purpose of access.

6 the Defendant shall retain the child's passport, birth certificate, report books, health booklet, jewelry and money of RM8,796.00 for safe-keeping.

7 the Defendant is to pay the Plaintiff costs fixed at S$500.00;

8 the parties be at liberty to apply.

Dated this 9th day of July 2009. BY REGISTRAR

[9] Perintah mahkamah rendah Singapura tersebut merangkumi semua aspek hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan serta hak akses ke atas anak itu. Pada hakikatnya perintah tersebut cukup komprehensif dan pada pandangan saya perintah itu telahpun mengambil kira semua aspek yang menjurus kepada kebajikan terbaik untuk anak itu. Perintah itu tiada cacat celanya pada pandangan mahkamah ini, tidak perlu ditambah atau dikurangkan sedikitpun sebaliknya wajar dikekalkan. Lagipun pihak-pihak telahpun mematuhi perintah tersebut. Oleh itu saya menerima dan mengekalkan perintah mahkamah rendah Singapura tersebut untuk isu hak jagaan dan hak akses terhadap anak dalam kes ini.

HAK NAFKAH ANAK

[10] Pempetisyen bersetuju untuk mengurangkan amaun nafkah anak yang dipohon dari S$800 kepada S$350 sahaja sebulan. Responden bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan pendapatan S$1,000 sebulan jika beliau bekerja lima hari dalam seminggu. Pendapatan pempetisyen adalah lebih tiga kali ganda daripada pendapatan responden. Walaupun begitu fakta ini tidak boleh mengelakkan responden daripada membayar nafkah untuk anaknya. Responden menyatakan bahawa beliau hanya mampu untuk membayar RM200 sebulan untuk nafkah anak tersebut setelah mengambilkira pendapatan dan perbelanjaan bulanan beliau. Setelah mengambilkira pendapatan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh responden seperti dihuraikan di dalam jawapan beliau di lampiran 31, mahkamah ini memerintahkan responden untuk membayar nafkah untuk anak pada kadar RM200 sebulan sebagai satu jumlah yang patut dan wajar yang mampu dibayar oleh responden setiap bulan.

TUNTUTAN TERHADAP HARTA SEPENCARIAN

[11] Pempetisyen menuntut supaya rumah matrimoni yang dibeli bersama semasa perkahwinan dan didaftarkan atas nama pempetisyen dan responden dijual dan hasil jualan dibahagikan sama rata selepas menolak jumlah baki yang masih terhutang. Responden tidak bersetuju untuk rumah itu dijual kerana beliau tidak mampu untuk menanggung hutang bagi membeli rumah baru memandangkan usia beliau semakin tua. Lagipun responden menyatakan bahawa anak beliau akan bertemu dengan beliau di rumah tersebut dan rumah itu menyimpan banyak kenangan silam beliau bersama keluarga. Responden sebaliknya menawarkan untuk membayar sebanyak S$57,000 kepada pempetisyen sebagai bahagian sumbangan pempetisyen terhadap kos pembelian rumah tersebut. Pempetisyen tidak bersetuju dengan cadangan

responden tersebut, sebaliknya menuntut supaya rumah itu dijual dan beliau mahukan amaun bahagian beliau dikira berdasarkan harga pasaran semasa rumah itu sekarang ini yang jauh lebih tinggi daripada harga semasa rumah itu dibeli dalam tahun 1977. Pempetisyen mencadangkan jika rumah itu tidak dijual, maka satu laporan penilaian diperolehi terlebih dahulu untuk menentukan harga pasaran rumah itu dan bahagian yang perlu dibayar oleh responden kepada pempetisyen.

[12] Responden berhujah bahawa walaupun rumah itu dibeli bersama atas dua nama tetapi sejak dari tahun 2003 hingga sekarang responden seorang yang membuat bayaran ansuran untuk rumah itu kepada Singapore Housing Board. Penyata akaun menunjukkan bahawa sumbangan pempetisyen terhadap pembelian rumah itu adalah sebanyak S$57,000.

[13] Pada peringkat ini adalah lebih baik mahkamah ini merujuk kepada peruntukan di bawah s 76 Akta mengenai isu pembahagian aset-aset perkahwinan:

76 Power for court to order division of matrimonial assets

(1) The court shall have power, when granting a decree of divorce or judicial separation, to order the division between the parties of any assets acquired by them during the marriage by their joint efforts or the sale of any such assets and the division between the parties of the proceeds of sale.

(2) In exercising the power conferred by subsection (1) the court shall have regard to:

(a) the extent of the contributions made by each party in money, property or work towards the acquiring of the assets;

(b) any debts owing by either party which contracted for their joint benefit;

(c) the needs of the minor children, if any, of the marriage.

and subject to those considerations, the court shall incline towards equality of division.

(3) The court shall have power, when granting a decree of divorce or judicial separation, to order the division between the parties of any assets acquired during the marriage by the sole effort of one party to the marriage or the sale of any such assets and the division between the parties of the proceeds of sale.

(4) In exercising the power conferred by subsection (3) the court shall have regard to:

(a) the extent fo the contribution made by the other party who did not acquire the assets to the welfare of the family by looking after the home or caring the family;

(b) the needs of the minor children, if any, of the marriage;

and subject to those considerations, the court may divide the assets or the proceeds of sale in such proportions as the court thinks reasonable; but in any case the party by whose effort the assets were acquired shall receive a greater proportion.

(5) For the purposes of this section, references to assets acquired during a marriage include assets owned before the marriage by one party which have been substantially improved during the marriage by the other party or by their joint efforts.

[14] Tiada peruntukan di bawah s 76 tersebut mewajibkan rumah itu dijual dan tiada juga peruntukan bahawa dalam menentukan bahagian yang perlu dibayar kepada pihak untuk menuntut bahagian terhadap rumah itu dikira mengikut harga pasaran rumah tersebut. Apa yang diperuntukkan adalah 'the extent of the contributions made by the other party ... the court shall incline towards equality of division'. Oleh kerana sumbangan yang diberikan oleh pempetisyen terhadap pembelian rumah itu dalam tahun 1997–2002 hanya setakat S$57,000 responden bersedia untuk membayar jumlah itu atau jumlah yang ditunjukkan dalam akaun di dalam SGF pihak pempetisyen. Lebih sumbangan oleh responden terhadap pembelian rumah itu dan responden seorang diri terus membayar ansuran rumah itu sejak 2003 dan masih terus perlu membuat pembayaran hingga selesai sepenuhnya. Oleh itu hujahan pempetisyen bahawa perlu melihat kepada harga pasaran untuk mendapat hak sama rata adalah tidak munasabah kerana pempetisyen tidak lagi menyumbang kepada harga belian rumah itu sejak 2003 dan tindakan pempetisyen keluar daripada rumah matrimoni itu sejak Januari 2006 tidak menyumbang kepada kebajikan rumah itu.

[15] Pada pandangan mahkamah adalah tidak wajar rumah itu dijual untuk sebahagian hasil jualan diberikan kepada pempetisyen. Memandangkan usia tua responden dan itulah satu-satu rumah untuk beliau tinggal dan bertemu dengan anaknya di Singapura, jika dijual akan membawa kesusahan dan kesukaran yang amat sangat kepada responden dan anak hasil perkahwinan mereka. Fakta bahawa sumbangan pempetisyen hanya menyumbang lebih kurang S$57,000 terhadap harga pembelian rumah itu dan fakta responden terpaksa meneruskan pembayaran ansuran seorang diri sejak 2003 hingga selesai perlu diberikan perhatian sewajarnya. Setelah menimbangkan fakta-fakta yang disebutkan di atas saya membenarkan tuntutan pempetisyen ke atas rumah matrimoni tersebut setakat jumlah sumbangan yang dibayar oleh pempetisyen iaitu jumlah S$57,000 ataupun apa-apa jumlah yang ditunjukkan di dalam akaun SGF pihak pempetisyen dan jumlah itu hendaklah dibayar oleh responden kepada pempetisyen sewajarnya.

[16] Selainnya saya juga memerintahkan pihak-pihak untuk menanggung kos masing-masing dan kebebasan diberikan kepada pihak membuat permohonan jika berlaku sebarang perubahan.

Sebahagian tuntutan pempetisyen dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed